



اُنِيُوَرَسِيْتِي تِي كُوْلُو كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TEKS UCAPAN

**YBRS. Ts. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN
KETUA TIMBALAN PUSTAKAWAN
PERPUSTAKAAN UiTM**

MENJALANKAN FUNGSI KETUA PUSTAKAWAN UiTM

**MAJLIS PEMBUKAAN
KONVENSYEN KIK UiTM 2023**

23 OKTOBER 2023 (ISNIN)

**ANJUNG SERI BUDIMAN
UiTM SHAH ALAM**

Bismillahirrahmannirahim.

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

[SALUTASI]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam UiTM dihatiku

1. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-NYA dapat kita bersama-sama menjayakan **Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) peringkat UiTM kali ke-27.**
2. Perpustakaan Tun Abdul Razak ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak INQKA kepada kami dalam menjalankan tanggungjawab sebagai penganjur bagi Konvensyen KIK UiTM 2023 kali ke 27 ini.
3. Untuk makluman hadirin dan hadirat sekalian, bagi tahun 2023 sebanyak **dua puluh (20) kumpulan** telah berjaya terpilih sebagai finalis akhir di konvensyen kali ini mewakili PTJ dan kampus masing - masing. Saya percaya kumpulan

yang berjaya menjadi finalis ini telah menunjukkan usaha dan kesungguhan mereka dalam menyiapkan dokumen dan hasil projek mereka. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Hadirin sekalian,

4. Pembudayaan kreativiti dan inovasi secara terancang dan konsisten mampu melonjakkan usaha untuk menjadikan UiTM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang cemerlang. Penghasilan kreativiti dan inovasi secara berterusan dan berimpak tinggi dapat meningkatkan kecekapan sesuatu proses atau penyampaian perkhidmatan. Ia sekaligus memberikan impak besar terhadap kemajuan staf dan jabatan. Hasil minda kreatif dan daya imaginasi tinggi, mampu membawa perubahan ke arah kemajuan dan daya saing yang tinggi.

5. UiTM berjaya membudayakan kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga dengan menyediakan pentas KIK dalam usaha menghasilkan idea yang kreatif serta memberi impak besar terhadap kecemerlangan organisasi. Kreativiti merupakan kebolehan untuk mencipta sesuatu yang baharu, ia juga boleh menghasilkan inovasi melalui idea atau kaedah

untuk menambah baik proses kerja yang lebih efektif dan berkesan. Sudah pasti kreativiti dan inovasi memerlukan daya tahan yang tinggi bagi menjamin kualiti terhadap hasil produk, perkhidmatan atau proses kerja. Ini selari dengan tema inovasi tahun ini iaitu “**Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti**”.

6. Kepada 20 kumpulan KIK yang bertanding, saya ucapkan Selamat Maju Jaya dan diharapkan kumpulan dapat memberikan persembahan yang terbaik.

7. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif UiTM 2023 kali ke-27 ini.

Serangkap pantun dari saya,

**Menyiram bunga di waktu dhuha,
Mekar angkana pandang tak jemu,
Teruskan bertanding tingkatkan usaha,
Pulang nanti bawalah ilmu.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.